

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
(PERDANA MENTERI)

UPACARA: MAJLIS PELANCARAN PERODUA RUSA

TEMPAT: PUSAT DAGANGAN DUNIA PUTRA, KUALA LUMPUR

TARIKH: 06 MAR 1996

MASA:

Saya ucapkan terima kasih kepada pihak pengurusan Perusahaan Otomobil Kedua Sdn. Bhd. kerana menjemput saya untuk melancarkan Perodua Rusa pada malam ini.

2. Kemunculan Perodua Rusa di dalam rangkaian kenderaan Perodua adalah tepat pada masanya kerana kenderaan yang bersifat serbaguna ini sangat sesuai dengan keperluan sebahagian besar daripada penduduk negara ini. Lebih-lebih lagi di saat penduduk Malaysia memiliki kemampuan yang tinggi untuk membeli kereta hasil pertumbuhan ekonomi yang pesat. Saya difahamkan bahawa saiz purata sesebuah keluarga di Malaysia adalah 5.2 orang. Ini membuktikan bahawa sesebuah keluarga sama ada di dalam atau di luar bandar akan dapat memanfaatkan penggunaan kenderaan yang boleh menampung seramai 7 penumpang. Dengan ini golongan warga tua juga akan dapat turut serta dalam aktiviti-aktiviti keluarga, di mana sebelum ini saiz kereta yang terhad menyisihkan mereka daripada aktiviti-aktiviti tersebut. Peniaga-peniaga kecil juga akan lebih mampu untuk memiliki kenderaan yang memenuhi keperluan mereka. Saya mengucapkan tahniah kepada Perodua atas kejayaannya dalam membangunkan pasaran kereta kompak yang sebelum ini tidak diberi perhatian oleh pengeluar-pengeluar kereta yang lain. Hanya yang saya ingin ingatkan pemilik Perodua Rusa ialah berhati-hati semasa memandu kerana keselamatan seluruh keluarga ada di tangan anda.

3. Penjualan kenderaan bermotor di Malaysia telah meningkat lebih daripada 40 peratus pada tahun 1995 berbanding dengan tahun 1994. Ini adalah satu perkembangan yang mengejutkan daripada segala segi. Kebolehan industri ini menghadapi dan mengatasi cabaran permintaan yang besar ini akan mengukur setakat mana pengurusan industri otomobil di Malaysia sudah matang. Industri sokongan, iaitu 'vendors' yang mengeluarkan komponen juga mesti mengatasi cabaran ini. Mereka mestilah menyusun program keluaran mereka supaya mencukupi permintaan dan sistem 'just in time' dapat diamalkan.

4. Pihak Perodua telah menggandakan tahap pengeluaran terancang untuk tahun 1995 daripada 20,000 kepada 40,000 unit. Walaupun begitu, peningkatan ini masih tidak mencukupi memandangkan masih terdapat 10,000 permintaan bagi Perodua Kancil yang tertangguh. Selain daripada itu pasaran luar negara mungkin lebih besar daripada pasaran tempatan jika kita memasar secara agresif. Oleh itu adalah baik sekiranya Perodua meninggikan kapasiti pengeluaran secepat mungkin. Tahun 1995 merupakan tahun pertama Perodua beroperasi sepenuhnya sepanjang tahun. Melalui pengeluaran dan penjualan Kancil, Perodua telah berjaya meluaskan asas pasaran kenderaan dan seterusnya menguasai 17.7 peratus daripada pasaran tersebut, menjadikan ianya kedua terbesar selepas Proton. Kejayaan ini sangat membanggakan.

5. Industri motor Malaysia dijangka akan berkembang pesat dalam beberapa tahun yang akan datang. Sekiranya kita mengambil contoh dari negara Taiwan dan Australia, pasaran kenderaan Malaysia berkemungkinan mencapai tahap maksimum pada setengah juta unit setahun. Hanya masa dan prestasi ekonomi yang akan menentukan bila hasrat ini akan tercapai. Namun begitu, adalah penting Proton dan Perodua berusaha mengurangkan kos pengeluaran mereka supaya dapat bersaing dengan kereta-kereta lain di luar negeri di mana perlindungan oleh Kerajaan tidak ada. Janganlah pengurangan cukai oleh Kerajaan dijadikan sebagai punca keuntungan syarikat.

6. Peningkatan yang tinggi di dalam pengeluaran dan penjualan kenderaan juga boleh mendatangkan masalah. Sehingga bulan November 1995, Malaysia telah mengalami defisit dagangan sebanyak RM 9.9 bilion kebanyakannya dengan Jepun. Perodua dengan pembelian bahagian-bahagian CKD dan peralatan kapitalnya telah menyumbang ke arah defisit ini. Memandangkan Perodua telah diberi perlindungan tertentu oleh Kerajaan, pengurusanannya bertanggungjawab terhadap usaha mengurangkan defisit dagangan Malaysia. Masalah ini boleh diatasi dengan sekurang-kurangnya tiga cara.

7. Pertama, di dalam pembelian peralatan kapital untuk menaikkan kapasiti yang kini masih terhad, pastikan bahawa komponen-komponen yang diimport adalah pada tahap minimum dan penggunaan komponen-komponen buatan tempatan terletak di tahap maksima. Jika diteliti dengan halus dan kebolehan dalam negeri dikenalpasti, banyak komponen yang diimport boleh diperolehi dari dalam negeri.

8. Kedua, mempercepatkan pelaksanaan perancangan untuk menggantikan komponen-komponen kereta yang diimport dari Jepun. Tiap satu bahagian dan alatan

kereta perlu dikaji untuk mengenalpasti komponen dan 'child parts' yang diimport dan segala usaha dibuat untuk mengeluarkan 'parts' ini dalam negara. Jumlah kereta buatan Malaysia sudah mencukupi untuk industri komponen mempunyai 'economies of scale'.

9. Ketiga, pihak Perodua mestilah mengeksport Kancil dan Rusa sebanyak yang mungkin. Saya difahamkan bahawa pengurusan Perodua telahpun mula mengeksport sebilangan kecil Perodua Kancil buat pertama kali ke negara Brunei beberapa hari yang lalu dan mereka harus dipuji di atas usaha ini. Namun begitu, usaha-usaha ini harus dipertingkatkan segera supaya ianya akan dapat meliputi negara-negara lain. Kancil 'left hand drive' hendaklah dikeluarkan secepat mungkin dan enjin 850 c.c. dipasang untuk pasaran tertentu. Demikian juga pengeluaran enjin di Malaysia hendaklah dilaksanakan sekarang.

10. Sekiranya usaha-usaha ini dirancang dan dilaksanakan dengan teliti, imbalan antara import dengan eksport boleh dicapai dan defisit dikurangkan. Objektif Perodua yang unggul mestilah untuk menjadi pengeksport yang berjaya.

11. Saya difahamkan bahawa Perodua sudah pun mempunyai perancangan untuk menghasilkan komponen-komponen enjin utama seperti kepala silinder, 'camshaft', 'crankshaft' dan blok silinder. Perlu ditegaskan bahawa kebolehan untuk mengeluarkan komponen-komponen lain seperti 'fuel injection system', pam minyak dan air adalah perlu untuk membuktikan kemampuan kita menghasilkan sesebuah enjin. Sekali lagi komponen-komponen kecil, iaitu 'child parts' perlu dikenalpasti dan diusahakan di dalam negeri.

12. Mengenai transmisi otomobil, adalah jelas bahawa permintaan untuk kenderaan-kenderaan automatik adalah tinggi di Malaysia. Lebih kurang 35 peratus daripada kereta-kereta baru yang dijual dilengkapi dengan transmisi automatik. Permintaan untuk Kancil otomatik adalah masih tinggi walaupun ianya hanyalah dilengkapi dengan enjin 660 c.c. yang berkuasa kecil. Perodua patut menimbang pengeluaran transmisi automatik, sekurang-kurangnya bahagian-bahagian tertentu di negara ini.

13. Apabila komponen-komponen kenderaan Perodua telah dihasilkan di Malaysia atau diimport dari mana-mana negara selain dari Jepun, Perodua mestilah mendapatkan kelengkapan untuk menguji komponen-komponen tersebut secara individu dan kenderaan yang dihasilkan secara keseluruhan. Perkara ini patutlah menjadi sebahagian daripada perancangan untuk memastikan kualiti kenderaan yang dihasilkan tetap

tinggi. Ujian yang sama mesti dibuat ke atas komponen dari Jepun untuk menentukan keseragaman. Bandingan secara saintifik di antara barangan buatan Jepun dengan yang dikeluarkan oleh pihak lain amatlah penting.

14. Saya difahamkan bahawa Perodua sedang menghasilkan rekaan dan kelengkapan pembangunan secepat yang mungkin. Saya amat gembira dengan perkembangan ini kerana pelaksanaan akhir tanggungjawab Perodua kepada negara adalah untuk mendapatkan keupayaan yang perlu bagi merekacipta dan mengeluarkan kereta Malaysia secara menyeluruh. Keupayaan ini perlu ada pada kita walaupun industri otomobil semua negara biasanya mendapat bekalan komponen, bahkan `design' dari negara-negara lain. Ini termasuklah negara Jepun. Syabas kepada pihak pengurusan dan kakitangan Perodua.

15. Dengan ini, saya dengan sukacitanya merasmikan pelancaran Perodua Rusa dengan doa ia akan berjaya.